


UMNO pertahan selesai isu tanah



KAMPUNG PASIR BARU - UMNO Cawangan Kampung Pasir Baru menjelaskan isu status tanah lot yang dibangkitkan Parti Keadilan Rakyat (PKR) sebelum ini sudah diusahakan pihaknya dan usul mengenainya setiap tahun dikemukakan ke peringkat tertinggi.

premium iaitu bayaran tertentu mengikut berapa lama tempoh yang mahu diperbaharui dan keluasan tanah. Perkara ini sudah diberitahu kepada penduduk dan maklum balas yang kita terima mendapati ada pemilik tanah yang tidak mampu membayar premium yang ditetapkan," katanya.

Ketua UMNO Cawangan Kampung Pasir Baru, Zamaluddin Ibrahim memberitahu, pihaknya sedia maklum bahawa isu menaik taraf tanah status pajakan itu tidak boleh ditukar ke hak milik kekal, tetapi usaha ke arahnya giat dilakukan.

Justeru, jelas Zamaluddin, mengapa perlu pihak lain mahu mengusahakannya sedangkan UMNO sendiri sudah memulakannya sejak awal dan prosesnya bukan memakan masa yang singkat.

"UMNO sudah lama usahakan perkara ini dan daripada maklum balas yang kita dapat menyatakan, apabila hampir tempoh pajakan yang ditetapkan, pemilik tanah perlu memperbaharui tempoh pajakan sehingga 99 tahun.

"Kita mempersoalkan status persatuan penduduk yang ditubuhkan kerana sebelum ini, tiada sebarang mesyuarat diadakan untuk mewujudkannya. Selain itu, dengan status kawasan perkampungan tradisi sejak turun-temurun, persatuan penduduk tidak sesuai diwujudkan di sini kerana Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sudah diiktiraf sebagai ketua masyarakat," tegasnya.

"Tetapi perlu diingat, setiap kali mahu memperbaharuinya, pemilik tanah dikenakan

KERINCHI Menang...

Seorang kanak-kanak tidak menyangka memenangi hadiah cabutan bertuah sempena Program Aktiviti Khidmat Masyarakat Rakan Muda Wawasan Desa Kawasan Lembah Pantai 2008 yang dihidirinya. Nombor yang diperoleh daripada pihak penganjur memberi tuah kepadanya.